

01 JUN 1997

Abdullah-Pelabur

KERAJAAN TIDAK TERLIBAT DENGAN TUNTUTAN GANTI RUGI PELABUR TEMPATAN

KEPALA BATAS, 1 Jun (Bernama) -- Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini berkata, kerajaan tidak terlibat dalam sebarang tuntutan ganti rugi oleh pelabur tempatan yang menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) dengan kerajaan asing, sekiranya perniagaan mereka menghadapi masalah di negara berkenaan.

Beliau berkata, setiap pelabur tempatan yang bersetuju melabur di mana-mana negara yang mempunyai perjanjian seumpama itu dengan negara ini, harus bersedia menghadapi sebarang risiko termasuk menanggung kerugian akibat ketidakstabilan politik di luar jangkaan di negara terbabit.

Keadaan politik atau ekonomi sesebuah negara itu sukar diramal dan sebarang kekusutan di negara berkenaan selalunya berlaku di luar jangkaan dan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa dalam hal ini, katanya.

"Kerajaan menganggap tuntutan ganti rugi terhadap mana-mana kerajaan asing oleh pelabur tempatan sebagai peribadi dan terpulang kepada mereka untuk membuat tafsiran sendiri terhadap perjanjian itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan kali kelapan Pergerakan Wanita dan Pemuda UMNO bahagian Kepala Batas, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tuntutan sebuah syarikat Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd (PSC), sebanyak RM16 juta (AS\$6,388,035) daripada kerajaan Albania kerana kerugian akibat serangan bom di tapak projek perumahan Kamza Turn di Tirana.

Menurut laporan akhbar pada 19 Mei lepas, PSC membuat tuntutan itu menurut IGA yang ditandatangani oleh kerajaan kedua-dua negara pada 1994 dan tuntutan itu, yang dikemukakan kepada kerajaan Albania menerusi kedutaannya di Kuala Lumpur, dipercayai yang pertama pernah dibuat oleh syarikat Malaysia di bawah perjanjian seumpama itu.

Laporan itu juga menyebut bahawa projek perumahan itu meliputi kira-kira 1,200 buah unit pangsapuri dan melibatkan pelaburan RM100 juta, iaitu pelaburan tunggal terbesar yang pernah dibuat oleh sebuah firma asing di Albania.

Menurut IGA, syarikat-syarikat Malaysia diberi jaminan perlindungan dan promosi bagi pelaburan mereka yang dibuat sebelum atau selepas perjanjian itu termetai.

Abdullah berkata, tindakan itu bukan bermakna kerajaan bersikap "lepas tangan" terhadap pelabur tempatan yang melabur di luar negara menurut perjanjian itu.

Kerajaan memainkan peranan sebagai pembuka jalan dan peluang kepada pelabur tempatan untuk memperluaskan perniagaan mereka ke negara asing dengan mengadakan perjanjian IGA itu, katanya.

Setakat ini, katanya, Malaysia menandatangani IGA dengan lebih 20 negara dan semasa perjanjian dibuat keadaan di negara terbabit adalah baik dan berpotensi bagi pelabur tempatan.

Beliau berkata, kerajaan akan terus menandatangani IGA dengan mana-mana negara selepas ini bagi menggalakkan pelabur kita menerokai peluang pelaburan di negara lain.

Terdahulu itu, beliau berkata kejayaan UMNO adalah hasil semangat kerjasama pemimpin dan anggota parti di semua peringkat dan tradisi itu perlu dikekalkan.

Sebagai contoh, kejayaan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad, yang juga presiden UMNO menempa nama di peringkat antarabangsa adalah hasil perjuangan semua pihak yang bekerjasama sebagai sebuah

kumpulan, katanya.

"Dengan sokongan padu anggota UMNO, yang menjadi tulang kerajaan, Dr Mahathir dapat mentadbir negara ini dengan cemerlang dan meningkatkan mutu kehidupan rakyat di negara ini sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa," katanya. -- BERNAMA

ZU PR